

10/03/2002

31 Mahsuri bertemu di Langkawi

Wan Jailani Razak

KATA orang, apalah yang ada pada nama. Namun nama Mahsuri memang bertuah. Sekumpulan 31 wanita yang memiliki nama itu diberi peluang melawat pulau legenda Langkawi selama tiga hari bermula 28 Februari lalu.

Sebelum ini mereka belum saling mengenal. Mereka yang berusia 13 hingga 46 tahun hanya berpandangan sesama sendiri ketika bertemu rakan senama ketika ditemukan menerusi program Mahsuri ke Langkawi.

Mereka juga serentak menoleh kerana keliru sebaik nama mereka sengaja dipanggil tanpa menyebut binti sepanjang mengikuti program anjuran syarikat perunding, Intan Desa (Langkawi) Sdn Bhd (Intan Desa).

Keadaan bagaimanapun bertukar sayu apabila Mahsuri berpelukan sambil air mata membasahi pipi mengiringi perpisahan mereka sebaik tiba di setiap perhentian kereta api di Arau, Alor Star, Butterworth, Ipoh dan destinasi terakhir di Kuala Lumpur.

Mahsuri adalah nama yang unik dan tersohor. Mengikut mitos Langkawi, sebagai wanita yang mati dibunuh angkara fitnah dan dikatakan berdarah putih, menjadikan insan kelahiran Kampung Mawat, mukim Ulu Melaka itu sebagai satu nama besar yang sukar disisihkan.

Malah rupa Mahsuri dikaitkan dengan legenda pulau Langkawi yang sering dibayangkan pengkaji sejarah seperti rangkap berikut:

Rambut ikal mayang,
Pipi pauh dilayang,
Hidung mancung seludang,
Muka bujur sirih,
Bibir merkah delima,
Leher nan jinjang,
Punggung buyung Patani,
Betis bunting padi,
Jari tombak serai,
Darah putih hati bersih,
Lembut bersopan serlah perawan.

Sejarah baru turut tercipta di Langkawi apabila program Mahsuri ke Langkawi itu mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Record sebagai Perjalanan Nama Seiras Terbesar negara.

Malah kejayaan itu akan turut dikemukakan kepada pihak Guinness Book of World Record untuk dipertimbangkan bagi diiktiraf perjalanan nama seiras terbesar dunia.

Pengarah Urusan Intan Desa, Aziz Desa, berkata bukan mudah untuk mencari mereka yang bernama Mahsuri, apatah lagi menghimpunkannya tetapi dengan bantuan media massa, 108 nama Mahsuri dapat dikumpulkan dari seluruh negara.

Daripada jumlah itu, katanya, 89 adalah Mahsuri wanita dewasa, tujuh kanak-kanak, enam bayi dan enam lelaki.

"Hasrat kami untuk membawa 99 Mahsuri sempena 99 gugusan pulau di Langkawi tidak kesampaian kerana ada di kalangan mereka baru bersalin, sarat mengandung, sukar dapat cuti dan beberapa masalah lain," katanya ketika ditemui di Langkawi.

Mahsuri Mohamad, 26, dari Kluang, Johor, berkata beliau berasa amat seronok kerana dapat bertemu dengan rakan yang memiliki nama sama dalam satu masa.

"Saya pernah menemui seorang rakan bernama sama ketika belajar di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah di Kuantan pada 1996 dan gembira dapat

menemuinya semula di sini selepas lama terputus hubungan.

"Lebih menggembirakan, saya bertemu lebih ramai rakan yang bernama sama di sini," katanya yang kini menuntut di Universiti Teknologi Malaysia di Skudai, Johor.

Mahsuri Thani, 18, dari Port Dickson, Negeri Sembilan, pula berkata, bapanya memilih nama Mahsuri kerana minatnya yang mendalam dengan nama yang ada kaitan dengan sejarah.

Menurutnya, dua abangnya bernama Iskandar dan Bakhtiar masing-masing sama dengan nama Sultan Iskandar Thani dan Hikayat Bakhtiar.

"Saya tidak pernah bertemu dengan rakan sama nama sebelum ini. Lebih melucukan dalam pertemuan ini ialah semua berpaling apabila ada orang yang memanggil Mahsuri," kata anak bongsu daripada tiga beradik ini.

Perasaan itu turut dikongsi Mahsuri Md Top, 29, apabila beliau berasa sungguh bertuah kerana dapat bertemu dengan rakan yang memiliki nama sama dengannya.

"Sebelum ini saya tidak begitu tahu mengenai kisah Mahsuri tetapi selepas mendengar pengkisahan Mahsuri di Makam Mahsuri, saya kini lebih faham," katanya yang kini bertugas sebagai konstabel di Balai Polis Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menurut anak ke-9 daripada 11 beradik ini, selain beliau, abangnya juga memiliki nama yang ada kaitan dengan sejarah apabila bapanya menamakannya Hang Tuah.

Mahsuri Mohd Razali, 42, berkata beliau tidak menyangka dapat mengikuti program itu kerana sebelum ini belum ada pihak yang menganjurkan program seumpamanya kepada mereka yang bernama Mahsuri.

Katanya, namanya diberi ketika bapanya pergi menonton wayang kisah Mahsuri di Alor Star ketika ibu mengandungkannya.

"Selepas saya dilahirkan, ibu dan bapa saya bersetuju memilih nama Mahsuri untuk saya," katanya yang kini bertugas sebagai Pegawai Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda).

Mahsuri Md Shoid, 18, dari Felda Laka Selatan, Changlun, Kedah dan Mahsuri Ghazali, 19, dari Paya Rumput Jaya, Sungai Udang, Melaka, sependapat program seumpama itu wajar diteruskan pada masa depan dengan harapan lebih ramai Mahsuri dapat dikumpulkan.

Program dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, KTM Berhad, Beringin Beach Resort Langkawi dan Lembaga Pembangunan Langkawi itu bermula di Stesen Kereta api Kuala Lumpur (KL Sentral), dirasmikan oleh Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Abdullah Jonid.

Di Langkawi, rombongan itu dibawa melawat Galeria Perdana di Kilim, galeri yang menghimpunkan pelbagai cendera hati yang diterima Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dari seluruh dunia.

Mereka juga melawat Kampung Buku Malaysia dan Makam Mahsuri di Ulu Melaka untuk mendengar pengkisahan Mahsuri sebelum singgah ke rumah Aziz di Kampung Bayas untuk menjamah 'secawan kopi, semangkuk bubur, sekeping roti dan sejempit cucur'.

(END)